

19/09/2000

Menggilap mahkota tamadun Islam

Maarop Md Noh

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam mempraktikkan ajaran Islam hakiki, tidak bermakna ajaran agama yang dipraktikkan sekarang kurang tepat atau menyeleweng. Sebaliknya, saranan itu mengajak umat Islam membina semula tamadun agama murni yang pernah dibangunkan dengan megah antara kurun ketujuh hingga kurun ke-14.

Sebagai agama tauhid yang unggul, Islam bukan saja dihormati dan diteladani, malah pernah menjadi wadah intelektual mencorakkan dunia serta menjadi lambang kebangkitan baru kemanusiaan dan kuasa politik. Kira-kira 108 tahun selepas Nabi Muhammad wafat, (632-740M), agama yang pada mulanya dikembangkan di padang pasir gersang Semenanjung Arab menguasai hampir separuh peta dunia.

Khalifah Islam yang gigih serta dilengkapi ilmu pengetahuan, terus-menerus bergerak dan memajukan Islam. Tidak berlebihan jika dijelaskan, pasukan tentera Islam yang pada mulanya kerdil muncul sebagai pasukan paling gagah dan disegani dunia. Kekuatan dan kejayaan itu diperoleh berkat pimpinan dan kesungguhan mempraktikkan ajaran Islam yang hakiki.

Ketika perkembangannya memuncak, Islam menguasai empayar Rom dan Parsi. Pada kira-kira 642M, Islam menguasai Mesir. Hanya pada 732M, pasukan Islam agak tersekat apabila ekspedisi ketenteraan yang cuba menguasai Perancis dihalang tentera Franks. Bagaimanapun, keadaan itu tidak mengubah kekuatan geografi yang sudah dikuasai tentera Islam.

Kejayaan itu tercatat cemerlang dengan tinta emas sejarah Islam. Michael H Hart, dalam bukunya, *The 100 A Ranking Of The Most Influential Person* (1989) menganggap kejayaan Islam sebagai mengagumkan. Sebagai ahli sains politik Barat yang agak ikhlas, Michael H Hart secara jujur mencatatkan kejayaan itu seperti berikut: Selepas menguasai sepenuhnya Semenanjung Arab, pada 711M, tentera Arab berjaya menguasai Afrika Utara dan negara di kawasan Lautan Atlantik. Dari sana mereka merentasi Selat Gibraltar, sebelum terus mengislamkan Sepanyol. (Lihat Hart, halaman 35).

Walaupun, sejarah mencatatkan kejayaan besar Islam dicapai menerusi perluasan wilayah, namun ini tidak bererti ia tidak meninggalkan sesuatu yang baik dan bernilai. Sebaliknya perluasan wilayah itulah yang menjadi mercu tanda keagungan ilmu pengetahuan Islam.

Taktik dan kelengkapan peperangan tentera Islam, kecanggihan strategi dan diplomasi beralaskan budi serta keluhuran budaya tauhid menyebabkan Islam dipandang mulia. Mereka tidak dilihat sebagai penakluk, sebaliknya diagungkan sebagai kuasa pembebasan yang ditunggu-tunggu.

Kejayaan ketenteraan itu sekali gus menjana kejayaan ilmu pengetahuan. Ahli falsafah Islam bukan sekadar meneroka ilmu asas kemanusiaan dan hakikat agama, malah memberi warna baru kepada falsafah dan etika Greek Tua (Yunani). Lebih jelas lagi Islam memperkayakan manusia dengan ilmu pengetahuan dan kebenaran.

Tidak berlebihan jika dijelaskan, Islamlah yang mula-mula memperkenalkan budaya ilmu berdasarkan falsafah. Ilmu pengetahuan adalah perhiasan paling menarik dan orang mengisi usianya untuk menuntut ilmu sebenarnya tidak pernah mati. (Lihat penjelasan hadis mengenai ilmu dalam Sahih Bukhari).

Tidak syak lagi semua kejayaan ini diasas dan dilakar oleh Nabi Muhammad dan dibajai serta diperpanjang oleh umatnya yang terus menggunakan kemurnian fikiran serta menghidupkan rohani berasaskan ajaran Islam yang hakiki.

Nabi Muhammad bersabda: "Sesiapa saja yang keluar rumah untuk mencari

ilmu pengetahuan kerana Allah dan sesiapa saja yang mengembara untuk memperkaya ilmu pengetahuan, Allah akan menunjukkannya jalan ke Syurga". Sebuah hadis lagi membawa maksud, kemuliaan dalam ilmu sains adalah kehormatan paling tinggi dan orang yang berilmu (ulama) adalah waris nabi. (Rujuk hadis Jamaah).

Islam tidak pernah memaksa sesiapa pun menerima bulat-bulat ajarannya. Perkara ini jelas dicatat dalam al-Quran yang bermaksud: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya kebenaran itu (Islam) sudah jelas daripada kesesatan". (Al-Baqarah, 258).

Konsep bebas memilih ini adalah asas kepada demokrasi beragama. Ia bersandarkan falsafah ilmu pengetahuan yang tinggi. Dalam falsafah pendidikan yang disampaikan Nabi Muhammad, tidak ada sebarang paksaan kerana Baginda berpendapat paksaan itu bertentangan dengan agama.

Nabi Muhammad meletakkan empat asas pengukuhan dan memajukan umatnya: Pertama ilmu pengetahuan, kedua kebebasan mengeluarkan pendapat, ketiga kebebasan mempraktikkan ilmu dan keempat kebebasan mereka cipta (sains). Tidak berlebihan dijelaskan di sini, masyarakat Eropah yang mengalami budaya tertutup pada abad keenam hingga ke-14 mempelajari teknik itu daripada pewaris Islam, khususnya dari Sepanyol, Selatan Itali dan Sicily.

Ketika berlaku Peperangan Salib, mereka berpeluang mempelajari segala ketinggian ilmu dan tamadun Islam. Sebaliknya pewaris asal (Islam) lalai dan lupa serta mulai kembali kepada ajaran jahiliah sehingga mereka kehilangan perhubungan dengan asas falsafah yang dibentuk Nabi Muhammad. Kesan daripadanya ialah umat Islam ketinggalan dalam semua bidang, terutama ilmu sains asas. Lebih parah lagi, Islam terus kehilangan kuasa politik, kekuatan dan pengaruh.

Ahli sains politik dan sejarah Eropah atau Barat yang jujur, mengakui Islamlah yang menyalakan obor tamadun baru di Barat. Sebelum itu, Barat dan Eropah diselubungi kejumudan budaya dan ketertutupan minda.

Seorang daripada mereka ialah Riobert Briffault berkata: "Apa yang dianggap sains dan kemajuan ilmu pengetahuan di Eropah sebenarnya adalah hasil daripada kajian dan penyelidikan serta percubaan berani umat Islam. Semua ini tidak pernah dikenal dalam falsafah Greek. Semangat dan kaedah pencernaan ilmu pengetahuan itu diperkenalkan oleh masyarakat Islam ke Eropah". (Rujuk *The Making Of Humanity* hlm 190-191).

Pendekatan dan pemertabatan ilmu pengetahuan yang dianjurkan Islam membuka minda dan peradaban baru Eropah dan Barat. Selepas mengkaji dan mempelajari sistem pendidikan Islam, sosiopolitik, budaya dan sains yang menitikberatkan penyelidikan dan mereka cipta ciptaan baru, masyarakat Barat seperti tersentak daripada tempat tidur mereka. (Rujuk Ameer Ali dalam *The Spirit of Islam*, halaman 360 dan 373).

Bercanggah dengan pandangan umum sebelum ini, kononnya bangsa Arab maju selepas mereguk budaya ilmu Barat, Stamwood Cobb dalam bukunya *Islam Contribution to the World Culture*, menjelaskan Islam meninggalkan kesan kebudayaan yang tinggi hampir semua negara Kristian. Tidak berlebihan dikatakan Islamlah sebenarnya yang menciptakan Zaman Pembaharuan di Eropah.

Seorang lagi pengkaji sejarah, Robert L Gulick mengakui kemajuan pendidikan dan penyelidikan Islam menduduki tempat teratas dalam buku teks pendidikan di Barat. (Rujuk *Muhammad In Educator*, halaman 51-52). Selain Gulick, C H Haskins turut mengakui Islam memberikan sumbangan cukup besar terhadap peradaban dan kemajuan ilmu pengetahuan, khususnya sains di Barat. (Rujuk *Study in the History of Medieval Science*, halaman 3).

Sebenarnya, ramai lagi penulis Barat sama ada secara terpaksa atau jujur mengakui sumbangan Islam terhadap tamadun ilmu sains dan peradaban Barat. Antara mereka ialah Aderdlard dari Bath (England), Plato dari Tivoli, Robert dari Chester, Herman dari Carinthia, Rudorlf dari Burges, Conrad

dari Cremona dan Michael Scot. Malah Scot berjaya menterjemahkan buku pendidikan dan penyelidikan kesihatan Ibnu Sina.

Paling berjasa ialah Frederick The Great apabila beliau berusaha keras mengembang dan memajukan ilmu pengetahuan dan peradaban Islam di Eropah. Semua pengkaji sejarah kebangkitan Islam ini mengakui, mereka tidak menemui walau sebuah pun buku peradaban Eropah atau Barat sebelum kebangkitan tamadun Islam.

Oleh itu, mereka mengambil pendekatan jujur dan tidak prejudis terhadap kemajuan Islam, malah selama hampir 800 tahun masyarakat Eropah lebih mengenali peradaban Islam daripada peradaban yang diasaskan Greek. (Rujuk Encyclopedia Islam, 1989 dan Concise Encyclopedia of Islam oleh Cyrill Glasse, 1989).

Berdasarkan fakta di atas, jelas agama Islam bukan agama jumud dan ketinggalan. Sebaliknya ia memberikan sumbangan yang kukuh kepada tamadun dunia, khususnya penyelidikan sains asas, terutama perubatan, angkasa lepas, ilmu bintang, cakerawala, peredaran waktu, timbang-tara dan pelbagai lagi.

Bagaimanapun, umat Islam terkini bukan saja meninggalkan tradisi ilmu yang diwarisi turun-temurun, malah ada sesetengahnya yang menghina dan memperleceh keilmuan Islam. Di sini, jelaslah mengapa Dr Mahathir terpaksa mengajak umat Islam kembali kepada tradisi ilmu Islam yang hakiki.

Lebih penting lagi, beliau mengutarakan pandangannya itu di tengah-tengah masyarakat Islam Amerika di Chicago.

Dr Mahathir memilih lokasi dan situasi yang amat berbeza daripada kebiasaan intelektual Islam kerana masyarakat Amerika paling anti-Islam. Mereka dibayangi pengaruh Yahudi yang begitu keras terhadap Islam. Walaupun beliau mengetuk fikiran intelektual Islam di Amerika tetapi secara keseluruhannya mengingatkan umat Islam sedunia yang kini mencecah 1.2 bilion.

Diharapkan saranan Perdana Menteri itu akan mengangkat martabat minda intelektual Islam supaya menelusuri semula tradisi ilmu agama mereka sendiri.

(END)